

Bab 3

METHODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, perkara-perkara yang akan disentuh adalah seperti berikut:

- i. Pendekatan kajian
- ii. Sampel yang dikaji
- iii. Kaedah analisis data

3.2 Pendekatan Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah perpustakaan. Kaedah perpustakaan ini juga dikenali sebagai kaedah penelitian tertumpu.

3.2.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah yang paling asas dalam kajian ini ialah kaedah perpustakaan. Kaedah perpustakaan merupakan satu corak kaedah yang melibatkan pemilihan buku-buku yang berkaitan dengan kajian dan dijadikan dasar rujukan. Dalam kajian ini, buku tatabahasa bahasa Cina yang berkaitan dengan ayat majmuk bahasa Cina telah diberi tumpuan. Antara buku-buku yang terdapat, didapati bahawa banyak buku tatabahasa tersebut dihasilkan oleh sarjana linguistik dari negara China. Sarjana tempatan pula jarang menumpukan perhatian dalam bidang tatabahasa terutamanya ayat majmuk, maka hasil karya daripada sarjana tempatan susah dijumpai.

Di samping buku-buku, jurnal-jurnal majalah dan disertasi-disertasi yang berkaitan dengan topik dan bidang kajian juga akan diberikan perhatian sebagai tambahan untuk rujukan.

Kajian perpustakaan membolehkan pengkaji melihat kajian-kajian yang berkaitan dengan ayat majmuk bahasa Cina sama ada yang dilakukan oleh pengkaji luar negara atau tempatan. Berdasarkan garis panduan berkenaan, ayat-ayat majmuk bahasa Cina dapat dianalisis dengan lebih teratur dan lebih jelas.

3.3 Sampel yang Dikaji

Editorial dari *Sin Chew Daily* ialah sampel dalam kajian ini. Sejumlah 20 teks lidah pengarang telah dikumpulkan. Pengkaji membuat analisis penerapan teori terhadap sampel yang dipilih secara rawak atau dikenali sebagai kaedah cabutan. Kaedah ini ialah satu kaedah untuk memilih sebahagian daripada populasi sampel atau cabutan terpilih yang mewakili populasi, dan tidak boleh berat sebelah kepada sesuatu kategori.

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab satu, editorial ini bukan sahaja merupakan sebuah karangan yang isinya berasas malah dapat menarik perhatian khalayak ramai. Memandangkan hakikat ini, maka edisiotrial dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

3.3.1 Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, sebanyak 20 teks editorial dipilih secara rawak daripada *Sin Chew Daily* sebagai sampel kajian. Pembacaan akan dilakukan dengan teliti satu demi satu. Kemudian pengkaji akan menjumlahkan ayat-ayat

yang terdapat dalam 20 teks sampel tersebut. Hasilnya, sebanyak 563 deretan ayat telah dikutip.

Selepas itu, kerja penelitian satu persatu ayat terus diusahakan dengan mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk, kemudian mencari jumlah ayat tunggal dan ayat majmuk. Dalam kajian ini, sebanyak 235 deretan ayat tunggal dan 328 deretan ayat majmuk diperolehi.

Daripada jumlah 328 deretan ayat majmuk, pengkaji telah membezakan ayat majmuk kepada ayat majmuk ringkas atau ayat majmuk kompleks. Ini kerana ayat majmuk pada dasarnya terbahagi kepada dua kumpulan. Jadi, sebanyak 162 deretan ayat majmuk ringkas dan 166 deretan ayat majmuk kompleks telah dikenal pasti dalam kajian ini.

Kemudian pengkaji akan mengkategorikan 162 deretan ayat majmuk ringkas dan 166 deretan ayat majmuk kompleks kepada jenis-jenisnya yang tertentu mengikut sifat-sifat ayat berkenaan. Disebabkan kajian ini cuba meneliti ayat majmuk dengan lebih mendalam, maka sampel ayat tersebut harus dikenal pasti jenis-jenisnya.

Akhirnya, kebarangkalian penggunaan jenis ayat majmuk akan dikira. Langkah seterusnya ialah rumusan tentang kekerapan ayat majmuk berdasarkan jenis-jenisnya dan bilangan akan diberikan dalam bentuk jadual perangkaan supaya pengiraan angka dan peratusan akan ditunjukkan dengan lebih jelas dan kemas.

3.4 Kaedah Analisis Data

Ayat majmuk bahasa Cina mempunyai struktur pembentukannya yang agak rumit. Dalam analisis ini, pengkaji akan meneliti pembentukan ayat majmuk dengan mengasingkan komponen ayat majmuk yang dikaji. Selain itu, kaedah pembentukan sesebuah ayat majmuk bahasa Cina bergantung kepada syarat-syarat yang tertentu. Tambahan pula, setiap ayat majmuk bahasa Cina mempunyai sifatnya masing-masing. Maka, dalam analisis pengkategorian jenis ayat-ayat majmuk, beberapa prinsip analisis dan cara analisis yang sesuai untuk menganalisis ayat majmuk perlu diambil perhatian.

3.4.1 Prinsip Analisis

Mengikut pandangan Wu Jingcun 吴竟存 dan Hou Xuechao 侯学超(1988:233-239), prinsip analisis ayat majmuk bahasa Cina berdasarkan 3 prinsip:

1. Fungsi – Antara komponen-komponen ayat majmuk sering mempunyai satu simbol perhubungan yang utama iaitu kata hubung. Kata hubung merupakan lambang fungsi ayat majmuk.
2. Struktur – Pengasingan komponen ayat majmuk mesti menghasilkan komponen-komponen dan struktur pembentukan ayat. Ini bermakna sederetan ayat majmuk perlu mempunyai dua atau lebih daripada dua klausa. Ayat majmuk yang mengandungi dua klausa akan dikategorikan sebagai ayat majmuk ringkas, manakala ayat yang mempunyai tiga atau lebih daripada tiga dikategorikan sebagai ayat majmuk kompleks.
3. Makna – Kaedah pengasingan komponen ayat majmuk tidak boleh menjelaskan makna asal ayat majmuk tersebut. Di samping itu,

makna antara komponen-komponen terdekat mestilah mempunyai hubungan yang logik.

Berdasarkan prinsip analisis di atas, setiap ayat majmuk bahasa Cina perlu mempunyai ketiga-tiga rumusan di atas. Jika mana-mana satu prinsip di atas tertinggal, maka timbul kesalahan bahasa dalam ayat majmuk bahasa Cina.

3.4.2 Pendekatan Analisis

Kajian tentang cara menganalisis ayat majmuk ini akan dibuat mengikut garis panduan dan pendekatan konstituen terdekat atau *immediate constituent* (层 次 分 析 法 *céngcì fēnxià法*). Pendekatan konstituen terdekat merupakan kaedah yang menghuraikan struktur ayat kepada unit yang terkecil.

“Immediate constituent is a constituent of a category which is not a constituent of any unit which is itself a constituent of that category.”

(R.L. Trask, 1993:133)

Pendekatan ini berdasarkan pandangan bahawa ayat bukan sahaja merupakan urutan linear unsur, tetapi juga terdiri daripada “lapisan” konstituen terdekat, iaitu setiap konstituen di paras rendah menjadi sebahagian daripada konstituen di paras yang lebih tinggi (John Lyons, 1993: 231).

The Oxford English Dictionary (1989) telah memberikan penjelasan mengenai pendekatan konstituen terdekat iaitu seperti berikut:

“Immediate constituent is a grammatical subdivision of a sentence, phrase, or word, which can sometimes be analysed into further such constituents; in the case of a word, so as to reveal its morphological structure.”

(*The Oxford English Dictionary*, 1989: 681)

Ayat majmuk bahasa Cina yang merupakan sampel dalam kajian ini merupakan sejenis ayat yang terbentuk daripada klausa-klausa secara berlapis. Maka pendekatan constituent terdekat adalah sesuai untuk menganalisis ayat majmuk.


“The processes of immediate constituent analysis...by which the longest and most complex sentence can be reduced by analysis to successive expansions of one of a few simple basic sentence structures”

(R.H. Robin, 1964 : 240)

3.4.2.1 Timbulnya Pendekatan Konstituen Terdekat

Ayat majmuk bahasa Cina merupakan sejenis bentuk ayat yang kerap digunakan oleh penulis akhbar Cina tempatan dalam penulisan mereka. Struktur pembentukan ayat majmuk bahasa Cina adalah berlapis. Dengan itu, pendekatan konstituen terdekat boleh digunakan untuk menganalisis ayat majmuk bahasa Cina. Sila rujuk ke halaman 53 untuk penjelasan yang lebih terperinci.

Sebenarnya, istilah “konstituen terdekat” telah diperkenalkan oleh Leonard Bloomfield. Beliau merupakan ahli linguistik pertama yang menggunakan corak pendekatan ini untuk menganalisis struktur ayat. Mengikut beliau, “...konstituen terdekat untuk *Poor John ran away* ialah dua bentuk ‘*Poor John* dan *ran away*’ ; dan setiap satu bentuk ini pula merupakan bentuk yang kompleks; bahawa konstituen untuk *ran away* ialah *ran*... dan *away*...; dan konstituen untuk *Poor John* ialah ...*poor* dan *John*...” (John Lyons, 1993: 230-231).



Rajah 3.1 : Konstituen Terdekat Menurut Bloomfield

Petunjuk:

Σ : Ayat

FN: Frasa nama

FK: Frasa kata

KS: Kata sifat

KN: Kata nama

KK: Kata kerja

Kket: Kata keterangan

Perkembangan teori struktur konstituen boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Bloomfield merupakan pengasas dalam peringkat pertama. Namun sumbangan beliau hanya setakat memperkenalkan gagasan tersebut dengan keterangan contoh. Beliau menyebut tentang “analisis sempurna” kepada konstituenya sebagai suatu analisis yang mengambil kira makna. Kemudian pengikutnya, Wells dan Harris telah merumuskan prinsip analisis konstituen dengan lebih teliti dan memanifestokan “mengambil kira makna” itu dengan kriteria taburan yang eksplisit. Akhir sekali, beberapa tahun yang lepas, teori struktur konstituen terdekat telah diformalisasikan dan diperkenalkan ujian secara matematik oleh Chomsky dan sarjana lain. Mereka telah memfokuskan

kepentingan syarat pembentukan yang diperlukan untuk membentuk ayat dengan struktur konstituen yang sesuai (John Lyons, 1993: 232).

3.4.2.2 Pendekatan Konstituen Terdekat dan Ayat Majmuk

Sejak abad ke 30-an, pendekatan konstituen terdekat telah luas digunakan dan menghasilkan keputusan dalam analisis pembentukan yang memuaskan. Oleh sebab corak pembentukan tatabahasa bahasa Cina amat berbeza dengan bahasa Inggeris, maka sedikit pengubahsuaian terhadap analisis konstituen terdekat dibuat untuk kegunaan tatabahasa bahasa Cina. Perbezaan yang utama ialah ketiga-tiga rumusan dalam prinsip analisis iaitu fungsi, struktur, dan makna, diambil kira dalam menganalisis ayat majmuk bahasa Cina. Sila rujuk ke halaman 49 untuk penjelasan yang terperinci.


Maka pendekatan konstituen terdekat merupakan kaedah yang sesuai dalam menganalisis ayat majmuk bahasa Cina. Ayat majmuk bahasa Cina terbentuk daripada dua atau lebih ayat kecil. Komponen ayat majmuk ialah klausa, maka analisis konstituen terdekat bagi ayat majmuk hanya setakat klausa (Wu Jingcun dan Hou xiechao, 1988: 232). Dengan kata lain, pendekatan konstituen terdekat telah diubahsuaikan oleh ahli-ahli bahasa Cina apabila digunakan untuk menganalisis ayat majmuk.

Contoh 3.1:

如 人 数 不 够 , 我 们 就 不 开 班。

Rúguō rénshù bù goù, wǒmen jiù bù kāI bān
[Jika][jumlah orang] [tidak][cukup], [kami][akan] [tidak]
[buka][kelas].

(Jika tidak cukup orang, kami tidak akan memulakan kelas.)



Rajah 3.2 : Konstituen Terdekat bagi Ayat Majmuk Bahasa Cina

Petunjuk:

$\Sigma(m)$: Ayat majmuk

K1: Klausua pertama

K2: Klausua kedua

3.4.3 Cara Analisis

Mengikut pendekatan konstituen terdekat atau *immediate constituents analysis*, ayat majmuk bukan lagi merupakan susunan yang ringkas tetapi merupakan beberapa komponen struktur. Setiap lapisan yang rendah merupakan komponen bagi lapisan yang tinggi. Analisis terhadap sesuatu ayat majmuk yang menjadi beberapa “lapisan” konstituen boleh ditunjukkan melalui dua cara:

(a) Cara Menanda (符号法 *fúhào fǎ*)

Cara menanda melibatkan penggunaan garis tegak (|) sebagai simbol untuk menandakan setiap lapisan struktur ayat majmuk. Lapisan pertama menggunakan simbol “ | ” di antara konstituen-konstituen. Lapisan kedua pula menggunakan simbol “ || ”. Manakala simbol menanda untuk lapisan ketiga ialah “ ||| ” dan seterusnya.

Contoh 3.2:

(1) 油棕虽然有盛产和减产季节， | (2) 但差
(转折)

别不是非常大。

(1) Yóuzōng suírán yǒu shèng chǎn hé jiǎn chǎn jījié, | (2) dàn
(zhuàanzhé)

chābie bù shì fēicháng dà.

(1)[Kelapa sawit] [walaupun] [ada] [banyak] [hasil] [dan]
[kurang] [hasil] [musim], | (2)[tetapi] [beza] [tidak]
[ialah][sangat][besar].
(peralihan)

(1) Walaupun kelapa sawit mempunyai musim yang berhasil
banyak dan musim yang berhasil kurang, | (2) tetapi perbezaannya
(peralihan)
bukan ketara sangat.)

Penjelasan: Contoh 3.2 merupakan ayat majmuk ringkas. Struktur ayat ini terdiri daripada dua klausa, iaitu terdiri daripada satu lapisan. Ayat ini membawa makna peralihan, iaitu klausa kedua tidak melanjutkan penjelasan klausa pertama, sebaliknya merupakan pertentangan dengan makna pertama. Kata hubung antara kedua-dua klausa adalah “虽然” *suírán* (walaupun) dan “但” *dàn* (tetapi) iaitu merupakan jenis hubungan peralihan. Maka ayat ini adalah ayat majmuk ringkas jenis peralihan.

Contoh 3.3:

(1) 由于农业的生产力偏低, | (2) 为了维持我国
(因果)

天然胶和棕油在国际市场上的竞争能力, | (3)
(目的)

研究小组制定的月薪相信不会太高。

(1) Yóuyú nóngyè de shèngchǎnlì piān dī, | (2) wèile wéicí wǒ
(yingguō)

guó tiānrán jiāo hé zōngyóu zài guójí shìchǎng shàng de
jìngzhēng nénglì, | (3) yánjiū xiáozú zhìding de yuèxīn
(mùdì)
xiāngxìn bù huì tài gāo.

(Contoh 3.3, sambungan)

Penjelasan: Contoh 3.3 merupakan ayat majmuk kompleks. Struktur ayat ini terdiri daripada tiga klausa, iaitu terdiri daripada dua lapisan. Ayat ini membawa makna sebab akibat pada peringkat pertama, iaitu klausa di lapisan pertama menyatakan sebab dan akibatnya. Kata hubung digunakan ialah “由于” *yóuyú* (oleh sebab). Hubungan klausa-klausa pada lapisan kedua melibatkan jenis tujuan, dan kata hubung yang digunakan ialah “为了” *wèile* (demi). Maka ayat ini adalah ayat majmuk kompleks jenis dua lapis.

(b) Cara Grafik Bertingkat (框式图解 法kuàngshì tújiě fǎ)

Cara grafik bertingkat biasanya digunakan untuk menganalisis ayat majmuk kompleks. Angka (1) (2) (3) dan seterusnya ditandakan pada klausa-klausa mengikut susunan. Kemudian, rajah akan dilukis di antara lapisan-lapisan. Akhirnya, hubungan antara klausa-klausa akan dikenal pasti. Cara ini juga dapat menggambarkan hubungan antara klausa-klausa dengan lebih sistematis dan kemas.

(Contoh 3.3, sambungan)

(1) [Oleh sebab] [pertanian] [punya] [daya pengeluaran] [condong]
[rendah], | (2) [demi] [mengekalkan] [kita] [negara] [semula jadi]
(sebab akibat)
[getah] [dan] [kelapa sawit] [di] [pasaran] [antarabangsa] [atas]
[punya] [persaingan] [kemampuan], || (3) [kajian] [kumpulan]
(bertujuan)
[tetap] [punya] [gaji bulanan] [percaya] [tidak][akan] [terlalu]
[tinggi].
(1) Oleh sebab daya pengeluaran sektor pertanian rendah, | (2)
(sebab akibat)
demi mengekalkan kemampuan persaingan getah semula jadi dan
kelapa sawit negara kita di pasaran antarabangsa, || (3) gaji
(bertujuan)
bulanan yang ditetapkan oleh kumpulan kajian dipercayai tidak
terlalu tinggi.)

Penjelasan: Contoh 3.3 merupakan ayat majmuk kompleks. Struktur ayat ini terdiri daripada tiga klausa, iaitu terdiri daripada dua lapisan. Ayat ini membawa makna sebab akibat pada peringkat pertama, iaitu klausa di lapisan pertama menyatakan sebab dan akibatnya. Kata hubung digunakan ialah “由于” yóuyú (oleh sebab). Hubungan klausa-klausa pada lapisan kedua melibatkan jenis tujuan, dan kata hubung yang digunakan ialah “为了” wèile (demi). Maka ayat ini adalah ayat majmuk kompleks jenis dua lapis.

(b) **Cara Grafik Bertingkat** (框式图解 法 kuàngshì tújiě fǎ)

Cara grafik bertingkat biasanya digunakan untuk menganalisis ayat majmuk kompleks. Angka (1) (2) (3) dan seterusnya ditandakan pada klausa-klausa mengikut susunan. Kemudian, rajah akan dilukis di antara lapisan-lapisan. Akhirnya, hubungan antara klausa-klausa akan dikenal pasti. Cara ini juga dapat menggambarkan hubungan antara klausa-klausa dengan lebih sistematik dan kemas.


Contoh 3.4:

(1) 由于农业的生产力偏低，(2) 为了维持我国天然胶和棕油在国际市场上的竞争能力，(3) 研究小组制定的月薪相信不会太高。

(1) Yóuyú nóngyè de shēngchǎnlì piān dī, (2) wèile wéicí wǒ guó tiānrán jiāo hé zōngyóu zài guójì shìchǎng shàng de jìngzhēng nénglì, (3) yánjiū xiáozú zhìdìng de yuèxīn xiāngxìn bù huì tài gāo.

(1) [Oleh sebab][pertanian][punya][daya pengeluaran][condong] [rendah], (2) [demi] [mengekalkan] [kita] [negara] [semula jadi] [getah] [dan] [kelapa sawit] [di] [pasaran][antarabangsa] [atas] [punya] [persaingan] [kemampuan], (3) [kajian] [kumpulan] [tetap] [punya] [gaji bulanan] [percaya] [tidak]/[akan]/[terlalu][tinggi].

(1) Oleh sebab daya pengeluaran sektor pertanian rendah, (2) demi mengekalkan kemampuan persaingan getah semula jadi dan kelapa sawit negara kita di pasaran antarabangsa, (3) gaji bulanan yang ditetapkan oleh kumpulan kajian dipercayai tidak terlalu tinggi.)



Rajah 3.3 : Cara Grafik Bertingkat

3.4.4 Langkah Menganalisis Ayat Majmuk

Dalam proses menganalisis ayat majmuk, beberapa langkah telah diambil demi kelancaran kajian.

3.4.4.1 Langkah Menganalisis Ayat Majmuk Ringkas

Langkah untuk menganalisis ayat majmuk ringkas adalah seperti berikut:

- Memerhatikan struktur pembentukan ayat. Jika ayat majmuk hanya mengandungi dua klausa, maka ayat tersebut dianggap sebagai ayat majmuk ringkas, melainkan ayat majmuk tersebut ialah ayat majmuk jenis gabungan yang boleh terdiri daripada tiga atau lebih klausa

(Zhangjing, 1987:635). Walaupun begitu, hubungan antara klausa-klausa bagi ayat majmuk jenis gabungan adalah setara.

Contoh 3.5:

他不但聪明，而且也很勇敢。(Zhang Jing, 1987: 636)
Tā bùdàn cōngming, érqiè yě hěn yǒnggǎn.
[Dia] [bukan sahaja] [pandai], [tetapi juga] [juga] [sangat] [berani].
(*Dia bukan sahaja pandai, tetapi juga sangat berani.*)

他不但聪明，而且也很勇敢。
Tā bùdàn cōngming, érqiè yě hěn yǒnggǎn.




Ayat Majmuk Ringkas (2 klausa)

Contoh 3.6 :

风停了，雨住了，太阳也出来了。(Zhang Jing, 1987: 636)

Fēng tíng le, yǔ zhù le, tàiyáng yě chūlai le.
[Angin] [berhenti] [partikel], [hujan] [berhenti] [partikel],
[matahari] [juga] [keluar] [partikel].
(*Tiupan angin sudah berhenti, hujan sudah berhenti, matahari pula mula bersinar.*)

风停了，雨住了，太阳也出来了。
Fēng tíng le, yǔ zhù le, tàiyáng yě chūlai le.



Ayat Majmuk Ringkas (tiga klausa hubungan setara)

- (b) Mengenal pasti sama ada ayat majmuk ringkas itu mengandungi kata hubung ataupun tidak kerana kata hubung merupakan kunci utama kepada penentuan penjenisannya.

(c) Kadang kala, ada ayat majmuk ringkas yang tidak menggunakan kata hubung. Dalam keadaan sedemikian, fungsi antara kedua-dua klausa perlu diteliti dan ditentukan.

(d) Akhirnya, jenis ayat majmuk dapat dikenal pasti.

3.4.4.2 Langkah Menganalisis Ayat Majmuk Kompleks

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan langkah garisan condong untuk menganalisis ayat majmuk. Langkah menganalisis ayat majmuk kompleks biasanya bermula daripada lapisan yang lebih besar kepada lapisan yang lebih kecil sehingga pengasingan klausa tidak dapat dilakukan. Menurut Zhu Wenxian (1991:149-152) langkah-langkah menganalisisnya adalah seperti berikut :

(a) Meneliti Makna dan Struktur Pembentukan Ayat

Mengenal pasti hubungan antara klausa-klausa dan memastikan kedudukan klausa tersebut dalam ayat iaitu sama ada klausa itu menjadi komponen bagi klausa lain ataupun sebaliknya. Klausa-klausa dalam ayat majmuk tidak boleh menjadi komponen bagi klausa lain.

(b) Mengenal Pasti Jumlah Klausa

Mengenal pasti jumlah klausa yang terdapat dalam ayat majmuk kompleks adalah langkah yang penting. Nombor ditandakan untuk menyatakan bilangan klausa dengan tepat. Sila merujuk contoh 3.2 dan 3.3.

(c) Gariskan Kata Hubung

Kata hubung yang digunakan di antara dua klausa digariskan. Jika kata hubung tidak digunakan, maka hubungan antara kedua-dua klausa juga perlu dikenal pasti.

(d) Tandakan Lapisannya dan Tuliskan Hubungan

Tanda “ | ” digunakan untuk membezakan lapisannya. Tanda “|” untuk lapisan pertama, tanda “ || ” untuk lapisan kedua, tanda “ ||| ” untuk langkah ketiga dan seterusnya. Selepas membezakan lapisannya, hubungan antara klausa ditandakan.

3.4.5 Perkara yang Perlu Diambil Perhatian

Terdapat tiga perkara yang perlu diambil perhatian semasa menganalisis lapisan ayat majmuk kompleks.

(a) Kata Hubung yang Tertinggal

Dalam sesetengah ayat majmuk, penggunaan kata hubung boleh dikecualikan tetapi makna hubungannya masih kekal wujud. Dalam keadaan sedemikian, kata hubung yang bersesuaian ditambahkan tanpa menjaskankan makna ayat.

Contoh 3.7:

该国的政治势力一向由欧洲人后裔主导，|引起
(因果)

印度安人和混种人的不满。

Gāiguó de zhèngzhì shílì yǐxiàng yóu Ōuzhōu rén hòuyì
zhǔdǎo, | yǐnqǐ Yìndiān rén hé hùnzhǒng rén de bùmǎn
(yīngguǒ)

[Negara berkenaan] [punya] [politik]/[kuasa] [selama ini]/[oleh]/[orang Eropah]/[keturunan]/[memimpin]; |
(sebab akibat)
[bangkit]/[orang asli Amerika]/[dan]/[orang kacukan] [punya]
[tidak] [puas].

(Contoh 3.7, sambungan)

(Kuasa politik negara berkenaan terletak di tangan keturunan orang Eropah, | membangkitkan ketidakpuasan orang asli (sebab akibat) Amerika dan orang kacukan.)

Penjelasan: Ayat di atas ialah ayat ringkas jenis sebab akibat.

Walaupun ayat ini tidak mempunyai kata hubung, namun makna ayat ini membawa maksud sebab akibat. Klausa pertama menyatakan sebab dan klausa kedua menyatakan akibat kepada klausa pertama. Kata hubung “所以” suōyǐ (maka) boleh ditambahkan di antara kedua-dua klausa ini.

Selain itu, kata hubung yang wujud di permulaan ayat majmuk kadangkala merupakan kata hubung antara ayat tersebut dengan ayat sebelumnya, maka jenis kata hubung ini tidak diambil kira

Contoh 3.8:

但是，1997 年中爆发的一场亚洲经济风暴，|导致
(因果)
国产车和其他行业一样，遭受严重的打击。
Dànshì, 1997 nián zhōng bāofā de yíchǎng yàzhōu jīngjì fēngbào, | dǎozhì guóchǎnchē hé qítā hángyè yíyàng, (yingguǒ)
[Tetapi], [1997][tahun][dalam][meletup][punya][satu][Asia] [ekonomi] [keributan]. | [mengakibatkan] [kereta nasional] (sebab akibat)
[dan] [lain] [industri] [sama]. [mengalami] [hebat] [punya] [hentaman].
(Tetapi, dalam tahun 1997 meletup satu ributan ekonomi Asia, | (sebab akibat) mengakibatkan kereta nasional dan industri lain mengalami hentaman yang hebat.)

Penjelasan: Kata hubung “但是” *dànshì* (tetapi) di dalam ayat ini merupakan kata hubung yang menghubungkan ayat kedua dengan ayat pertama. Maka dalam menganalisis ayat ini, kata hubung ini tidak dipertimbangkan.

(b) Tanda Baca

Tanda baca yang terdapat dalam ayat majmuk kompleks juga memainkan peranan yang penting untuk membahagikan klausa-klausa kepada beberapa lapisan. Tanda baca yang digunakan termasuklah tanda titik bertindih (:) , tanda bertitik (;) dan lain-lain.

Contoh 3.9:

总的来说，马华领袖不应该把精力浪费在争取官位和进行党内斗争，||以免令支持他们的华社失望；|相反的，他们应该具有高瞻远瞩的眼光，||

以及为华社服务和争取利益的精神。

Zǒng de lái shuō, Mǎhuá lǐngxiù bù yīnggāi bǎ jīnglì làngfèi zài zhēnqū guānwèi hé jīnxíng dǎng nèi dòuzhēng, || yǐmiǎn (mùdì)

líng zhīchí tāmen de huáshè shīwàng; | xiāngfǎn de, tāmen (bìngliè)

yīnggāi jùyōu gāozhān-yuǎnzhǔ de yǎnguāng, || yǐjí wèi (bìngliè)

huáshè fúwù hé zhēngqǔ lìyì de jīngshén.

[Keseluruhan] [punya] [datang] [kata], [MCA] [pemimpin]
[tidak] [patut] [partikel] [tenaga] [bazir] [di] [merebut]
[kedudukan] [dan] [mengadakan] [parti dalaman] [persaingan],
|| [supaya tidak] [menyebab] [menyokong] [mereka] [punya]
(tujuan)
[masyarakat Cina][hampa]; | [sebaliknya] [mereka] [patut]
(setara)
[mempunyai] [jauh] [punya] [pandangan]. || [dan] [untuk]
(setara)
[masyarakat Cina] [berkhidmatan][dan] [berjuang][manfaat]
[punya] [semangat].

(Contoh 3.9, sambungan)

*(Pendek kata, pemimpin MCA tidak sepatutnya membasirkan tenaga atas perebutan kedudukan dan bersaing sesama sendiri dalam parti dalaman, || supaya tidak menghamparkan
(tujuan)
masyarakat Cina yang menyokong mereka, | sebaliknya mereka
(setara)
patut berpandangan jauh, || berkhidmat dan berjuang untuk
(setara)
manfaat masyarakat Cina.)*

Penjelasan: Tanda baca seperti “ ; ” dan “ , ” telah membezakan ayat kepada beberapa lapisan. Lapisan pertama adalah selepas tanda baca “ ; ”, manakala lapisan kedua adalah selepas tanda baca “ , ” dalam ayat ini. Tanda tegak (|) telah digunakan sebagai tanda lapisan.

Selain itu, kadangkala kumpulan frasa yang terdapat sebelum tanda baca koma (,) bukan merupakan klausa bagi ayat majmuk tersebut, tetapi merupakan frasa adverb ayat sahaja.

Contoh 3.10:

因为基本上，越南争取独立运动的领袖们和组织，首先是民族主义，其次才是共产主义。

Yīnwèi jiběn shàng, Yuènán zhēngqū dúlì yùndòng de lǐngxiùmen hé zǔzhī, shǒuxiān shì mǐnzú-zhūyì, qǐcì cái shì gōngchǎn-zhūyì.

[Oleh sebab] [dasar] [atas]. [Vietnam] [menuntut] [kemerdekaan] [gerakan] [punya] [pemimpin-pemimpin] [dan] [pertubuhan], [pertama] [ialah] [nationalisme], [kedua] [baru] [adalah] [komunisme].

(Oleh sebab pada dasarnya, pemimpin-pemimpin dan pertubuhan yang menuntut kemerdekaan Vietnam, yang pertama adalah melalui nationalism, yang kedua melalui komunisme.)

Penjelasan: Kumpulan frasa sebelum tanda koma pertama dalam ayat di atas ialah frasa adverb tetapi bukan salah satu klausa ayat majmuk.

(c) Lapisan yang Setara

Dalam proses menganalisis ayat majmuk, semasa melakukan penceraian struktur pembentukan ayat majmuk untuk mendapatkan lapisan ayat majmuk, lapisan setara yang wujud dalam ayat majmuk juga diperhatikan.

Contoh 3.11:

总的来说，马华领袖不应该把精力浪费在争取官位和进行党内斗争，||以免令支持他们的华社失望；| 相反的，他们应该具有高瞻远瞩的眼光，||
(目的)

(并列) 以及为华社服务和争取利益的精神。
(并列)

Zǒng de lái shuō, Mǎhuá lǐngxiù bù yīnggāi bǎ jīnglì làngfèi zài zhēnqū guānwèi hé jìn xíng dǎng nèi dòuzhēng, || yǐmiǎn (mǎdī)
ling zhichí tāmen de huáshè shīwàng; | xiāngfān de, tāmen (bìngliè)

yīnggāi jiùyǒu gāozhān-yuǎnzhǔ de yǎnguāng, || yǐjí wèi (bìngliè)

huáshè fúwù hé zhēngqū liyì de jīngshén.

[Keseluruhan] [punya] [datang] [kata], [MCA] [pemimpin]
[tidak] [patut] [partikel] [tenaga] [bazir] [di] [merebut]
[kedudukan] [dan] [mengadakan] [parti dalaman] [persaingan],
|| [supaya tidak] [menyebab] [menyokong] [mereka] [punya]
(tujuan)
[masyarakat Cina][hampa]; | [sebaliknya] [mereka] [patut]
(setara)

[mempunyai] [jauh] [punya] [pandangan], || [dan] [untuk]
(setara)

[masyarakat Cina] [berkhidmatan][dan] [berjuang][manfaat]
[punya] [semangat].

(Pendek kata, pemimpin MCA tidak sepatutnya membazirkan tenaga atas perebutan kedudukan dan bersaing sesama sendiri dalam parti dalaman, || supaya tidak menghampaskan
(tujuan)

masyarakat Cina yang menyokong mereka, | sebaliknya mereka
(setara)

patut berpandangan jauh, || berkhidmat dan berjuang untuk
(setara)

manfaat masyarakat Cina.)

Penjelasan:Dalam ayat ini, selepas tanda baca “ ; ” , tanda “ | ” digunakan untuk menandakan lapisan pertama. Klausula sebelum dan selepas ini merupakan lapisan kedua selepas diasingkan dan tanda “ || ” telah ditandakan, kerana kedua-duanya berada pada peringkat yang setara.

3.5 Kesalahan Bahasa dalam Ayat Majmuk

Kesalahan bahasa merupakan satu fenomena yang umum. Mengikut Huang Borong dan Liao Xudong (1997:168-171), kesalahan yang sering timbul semasa penggunaan ayat majmuk bahasa Cina boleh dikategorikan kepada tiga jenis kumpulan seperti berikut.

I. Kekurangan Hubungan Erat antara Klausula

Klausula-klausula dalam ayat majmuk mesti mempunyai hubungan yang erat. Makna antara klausula-klausula terdekat menslilah mempunyai hubungan yang logik, jika tidak, klausula-klausula tidak akan membentuk ayat majmuk.

Contoh 3.12:

大家如果不认真学好语文，就不会有较高的思想水平。
Dàjiā rúguǒ bú rènzhēn xuéhǎo yǔwén, jiù bù huì yǒu jiào gáo de sīxiǎng shuǐpíng.
[kita] [jikalau] [tidak] [bersungguh-sungguh] [belajar baik] [bahasa],
[maka] [tidak] [akan] [mendapat] [lebih] [tinggi] [punya]
[pemikiran] [tahap].
(Jikalau kita tidak mempelajari bahasa dengan bersungguh-sungguh, maka kita tidak akan memperoleh tahap pemikiran yang mantap.)

Ayat yang gramatis:

大家如果不认真学好语文，就不会有较高的写作能力。
Dàjiā rúguǒ bú rènzhēn xuéhǎo yǔwén, jiù bù huì yǒu jiào gáo de xiězuo nénglì.
[kita] [jikalau] [tidak] [bersungguh-sungguh] [belajar baik] [bahasa],
[maka] [tidak] [akan] [mendapat] [lebih tinggi] [punya] [penulisan]
[kepunyaan].

(Contoh 3.12, sambungan)

(*Jikalau kita tidak mempelajari bahasa dengan bersungguh-sungguh, maka kita tidak akan mempunyai keupayaan penulisan yang lebih tinggi.*)

Ayat ini adalah tidak tepat kerana anggapan dan akibat adalah tidak sepadan.

“不认真学好语文” *bú rènzhēn xuéhǎo yǔwén* (mempelajari tatabahasa dengan bersungguh-sungguh) dan “较高的思想水平” *jiào gāo de sīxiǎng shuǐpíng* (tahap pemikiran yang mantap) tidak mempunyai sebarang hubungan. Jikalau klausa akhir itu ditukar menjadi “就不会有较高的写作能力” *jiù bù huì yǒu jiào gāo de xiězuò nénglì* (tidak akan mempunyai keupayaan penulisan yang lebih tinggi), maka klausa tersebut mempunyai hubungan yang logik dengan klausa pertama (Huang Borong dan Liao Xudong 1997:168).

II. Kekeliruan Struktur dan Ketidakjelasan Lapisan Ayat

Struktur ayat majmuk, terutamanya ayat majmuk kompleks yang mempunyai struktur lapisan yang rumit. Jika perhatian tidak diberikan kepada hubungan dalam antara klausa pertama dengan klausa kemundiannya, maka wujudlah masalah kekeliruan struktur dan ketidakjelasan lapisan ayat.

Contoh 3.13:

近两年来，他的科研成果的水平又有新的提高，其中有两项不但达到了国际先进水平，而且也填补了国内这方面的空白。

Jìn liǎng niān lái, tā de kēyán chéngguǒ de shuǐpíng yòu yǒu xīn de tí gāo, qízhōng yǒu liǎng xiàng bùdàn dádǎo le guójí xiánjìn shuǐpíng, érqiè yě tiānbù le guó nèi zhè fāngmiàn de kòngbái.
[Kebelakangan] [dua][tahun] [datang], [beliau] [punya] [kajian sains][hasil] [punya] [ada] [baru] [punya] [peningkatan], [antaranya] [ada] [dua] [acara] [bukan sahaja] [mencapai][pratikel] [antarabangsa] [punya] [standard], [tetapi] [juga] [mengisi] [dalam negara] [ini] [aspek] [punya] [kekosongan].

(*Dua tahun kebelakangan ini, mutu hasil kajian beliau dalam bidang sains ditingkatkan lagi, antaranya dua penyelidikan beliau bukan sahaja mencapai standard antarabangsa, tetapi juga mengisi kekosongan negara dalam aspek ini.*)

Ayat yang gramatis:

近两年来，他的科研成果的水平又有新的提高，其中有两项不但填补了国内这方面的空白，而且也达到了国际先进水平。

Jin liǎng niān lái, tā de kēyán chéngguǒ de shuǐpíng yòu yǒu xīn de tí gāo, qízhōng zhōng yǒu liǎng xiàng bùdàn tiānbù le guó nèi zhè fāngmiàn de kòngbái, érqiè yě dàdào le guójì xiānjìn shuǐpíng.
[Kebelakangan] [dua] [tahun] [datang], [beliau] [punya] [kajian sains]/[hasil] [punya] [ada] [baru] [punya] [peningkatan], [antaranya] [ada] [dua] [acara] [bukan sahaja] [mengisi] [dalam negara] [ini] [aspek] [punya] [kekosongan], [tetapi] [juga] [mencapai][pratikel] [antarabangsa] [punya] [standard].

(Dua tahun kebelakangan ini, mutu hasil kajian beliau dalam bidang sains ditingkatkan lagi, antaranya dua penyelidikan beliau bukan sahaja mengisi kekosongan Negara dalam aspek ini, tetapi juga mencapai standard antarabangsa.)

Dua klausa akhir dalam contoh ini mempunyai hubungan berturutan telah diterbalikkan. Susunannya harus diselenggarakan supaya maknanya dapat beralih dari ringan ke berat, serta mempunyai struktur hubungan berturutan (Huang Borong dan Liao Xudong 1997:168-169).

III. Kesalahan Penggunaan Kata Hubung

Kata hubung ialah elemen yang terdapat dalam komposisi ayat majmuk. Bagi sesebuah ayat majmuk, keperluan menggunakan kata hubung, penggunaan kata hubung secara bersendirian atau berpasangan, dan kedudukan kata hubung dalam ayat dilakukan dengan mengikut peraturan tertentu. Di bawah merupakan perbincangan tentang beberapa kesalahan dalam penggunaan kata hubung:

a. Penyalahgunaan Kata Hubung

Penyalahgunaan kata hubung bermaksud tidak menggunakan kata hubung yang sesuai dalam sesebuah ayat majmuk. Hubungan logik antara klausa memerlukan kata hubung yang bersesuaian berpandukan ayat kerana penggunaan kata hubung yang tidak bersesuaian akan menyebabkan

hubungan antara klausa menjadi keliru dan makna keseluruhan ayat akan menjadi tidak jelas.

Contoh 3.14:

昨天下雨，可是我没有来上课。

Zuótīān xiàyǔ, kěshì wǒ méiyǒu lái shàngkè.

[Semalam][turun hujan], [tetapi][saya] [tidak][datang] [belajar].
(Semalam hujan, tetapi saya tidak datang ke kelas.)

Ayat yang gramatis:

昨天下雨，所以我没有来上课。

Zuótīān xiàyǔ, suōyǐ wǒ méiyǒu lái shàngkè.

[Semalam][turun hujan], [maka][saya] [tidak][datang] [belajar].
(Semalam hujan, maka saya tidak datang ke kelas.)

b. Ketidaksesuaian Kolokasi Kata Hubung

Jika kata hubung adalah berpasangan, maka kolokasi kata hubung biasanya sudah ditetapkan. Jika kolokasi kata hubung yang tidak sesuai digunakan, maka struktur ayat yang salah dan terkongkong akan wujud. Sila rujuk ke halaman 38-40 untuk penjelasan terperinci.

Contoh 3.15:

如果人数不够，我们不开班。

Rúguō rénshù bù goù, wǒmen bù kāi bān.

[Jika][jumlah orang][tidak][cukup],[kami] [tidak] [buka][kelas].
(Jika tidak cukup orang, kami tidak memulakan kelas.)

Ayat yang gramatis:

如果人数不够，我们就不开班。

Rúguō rénshù bù goù,wǒmen jiù bù kāi bān

[Jika][jumlah orang] [tidak][cukup], [kami][akan] [tidak]

[buka][kelas].

(Jika tidak cukup orang, kami tidak akan memulakan kelas.)

c. Ketidaksesuaian Kedudukan Kata Hubung

Kedudukan kata hubung amat penting. Kadangkala, kedudukannya akan menentukan sama ada subjek klausa pertama berkaitan dengan subjek klausa yang diikuti atau tidak. Biasanya jika klausa-klausa mempunyai subjek yang sama, maka kedudukan kata hubung bagi klausa pertama terletak di belakang kata subjek. Dalam keadaan sedemikian, subjek kedua biasanya digugurkan. Sebaliknya, jika subjek kedua-dua klausa berbeza, maka kedudukan kata hubung terletak di hadapan subjek (Huang Borong, Liao Xudong 1997:171, Zhu Wenxian 朱文献, 1991:156, Zeng Fusheng 曾福生, 1998:301).

Contoh 3.16:

不但阿里没有这样说过，而且也没有这样想过。

Bùdàn Ā Lǐ méiyoù zhèyàng shuō guò, érqiě yě méiyōu zhèyàng xiǎng guò.

[Bukan sahaja] [Ali][tidak ada][begini][cakap][pernah], [malah] [juga] [tidak ada] [begini] [fikir][pernah].

(Bukan sahaja Ali tidak pernah bercakap begitu, malah tidak pernah berfikir begitu.)

Ayat yang gramatis:

阿里不但没有这样说过，而且也没有这样想过。

Ā Lǐ bùdàn méiyoù zhèyàng shuō guò, érqiě yě méiyōu zhèyàng xiǎng guò.

[Ali][bukan sahaja][tidak ada][begini][cakap][pernah], [malah] [juga] [tidak ada] [begini] [fikir][pernah].

(Ali bukan sahaja tidak pernah bercakap begitu, malah tidak pernah berfikir begitu.)

d. Kekurangan Kata Hubung

Sekiranya penggunaan kata hubung diperlukan dalam ayat majmuk tersebut tetapi tidak digunakan, maka akan berlakulah kekurangan kata hubung. Selain itu, Kekurangan kata hubung juga menyebabkan kolokasi kata hubung yang tidak lengkap. Kekurangan kata hubung akan menyebabkan makna ayat tersebut tidak jelas.

Contoh 3.17:

他迟到，只好坐后面。

Tā chídào, zhīhǎo zuò hòumiàn.

[Dia] [lambat datang], [terpaksa] [duduk] [belakang].

(Dia datang lambat, terpaksa duduk di belakang.)

Ayat yang gramatis:


他迟到，所以只好坐后面。

Tā chídào, suǒyǐ zhīhǎo zuò hòumiàn.

[Dia] [lambat datang], [maka] [terpaksa] [duduk] [belakang].


(Dia datang lambat, maka terpaksa duduk di belakang.)

Kesalahan Bahasa dalam Ayat Majmuk



Rajah 3.4 Jenis-jenis Kesalahan Bahasa Ayat Majmuk Bahasa Cina

Satu gambaran keseluruhan yang jelas mengenai prosedur analisis dalam kajian ini telah ditunjukkan di bawah.



Rajah 3.5 : Prosedur Analisis Penggunaan Ayat Majmuk dalam Editorial Akhbar Tempatan.